

05 JANUARI 2018

Dua pelajar kolej ditahan

Dua pelajar kolej ditahan

KUCHING - Polis menahan dua pelajar kolej selepas menemui dadah pelbagai jenis yang dianggar bernilai RM37,440 dalam serbuan di sebuah rumah di Jalan Stutong di sini, kelmarin.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Sarawak, Superintendan Sahar Abd Latif berkata, kedua-dua pelajar berumur 19 dan 20 tahun itu, ditahan dalam serbuan kira-kira jam 2.30 petang.

Menurutnya, selepas diperiksa, polis menemui satu bekas plastik dipercayai mengandungi dadah jenis ketamin seberat 18.8 gram dan pil ekstasi seberat 114 gram dalam rumah berkenaan.

"Hasil pemeriksaan lanjut, polis turut menemui beberapa paket plastik warna perak masing-masing berisi campuran jus buah-buahan dan serbuk ekstasi seberat 162 gram serta pil erimin 5 seberat 78.50 gram," katanya dalam kenyataan, semalam. - *Bernama*